



ABDUL FATTAH ABDULLAH (empat dari kiri) bersalaman dengan Wan Abdul Wahid Wan Hassan (tiga kanan) selepas mengadakan pertemuan di pejabat Muip, Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI

## Angkasa, Muip jalin kerjasama peruncitan bekal barang murah

**KUANTAN 8 Sept.** - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menjalinkan kerjasama dengan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip) menerusi bidang peruncitan bagi membolehkan pengguna mendapatkan barang keperluan pada harga lebih murah.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi kerjasama itu, ahli koperasi yang mengeluarkan barangan keperluan dan bahan mentah akan menjadi pembekal kepada tujuh pasar raya milik Muip di negeri ini.

“Pada masa ini, pasar raya Muip terpaksa mendapatkan bekalan daripada pemborong atau orang tengah menyebabkan mereka terpaksa menjual barang lebih mahal atau sama dengan premis lain.

“Kerjasama ini membolehkan mereka membeli barangan keperluan dengan harga lebih berpatutan sekali gus mengimbangi kenaikan kos sara hidup pada masa kini,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan Timbalan Yang Dipertua Muip, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan di pejabat Muip di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, Angkasa turut merancang mengadakan kerjasama dengan Muip dalam bidang wakaf premis perniagaan menerusi Infaq Lil-Waqf yang membolehkan pihaknya memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada umat Islam.

“Setakat ini Angkasa melaksanakan program wakaf premis perniagaan di Johor dan kita merancang untuk memperluaskan di negeri ini menerusi pembelian sebuah bangunan bernilai RM1.9 juta di Lipis.

“Kita akan mewakafkan bangunan itu kepada Muip, kemudian menyerahkan kepada Angkasa untuk menguruskannya dengan menyewakan premis kepada peniaga Islam,” ujarnya.

Sementara itu, Wan Abdul Wahid berkata, pihaknya mengalu-alukan kerjasama tersebut terutama dalam bidang peruncitan yang membantu Muip mendapatkan bekalan barangan pada harga kompetitif.

“Muip menyambut baik usaha tersebut kerana kita juga terlibat dalam peruncitan dengan rangkaian pasar raya di seluruh negeri ini,” katanya.